

## BAB\_6

### KESIMPULAN

Masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun adalah masyarakat yang mengalami perubahan sejak daripada dahulu hingga sekarang. Sifat yang dinamik tersebut telah membentuk berbagai variasi dalam segala bidang kehidupan seperti ekonomi, sosial, politik, kebudayaan agama dan identiti mereka. Namun begitu identiti asli mereka yang berteraskan nilai-nilai dan norma tradisional masih terdapat dan wujud dalam diri mereka. Perhubungan antara budaya luar dan budaya tradisional telah membentuk masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun dalam satu budaya pertengahan antara budaya luar dengan budaya tradisional, walaupun budaya luar telah diterima namun kecenderungan masyarakat tersebut masih mempunyai ciri-ciri tradisional yang telah diubahsuai mengikut keadaan yang sentiasa berubah mengikut masa. Perubahan masa itu sendiri telah mendedahkan masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun ke dalam berbagai-bagai dimensi yang mempunyai pengalaman yang berbagai-bagai terhadap masyarakat Ranau. Pengalaman dalam perbagai dimensi telah mencorakkan masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau daripada masyarakat tradisional kepada masyarakat yang mengalami perubahan sehingga sekarang. Walaubagaimanapun dinamik, variasi dan berbagai dimensi yang dialami oleh masyarakat etnik Kadazan/Dusun telah mengikat masyarakat ini kedalam satu masyarakat yang saling memerlukan antara satu sama lain yang akhirnya berkongsi satu identiti sebagai bangsa Dusun atau

Kadazan.

Masyarakat ini bermula kedalam satu bangsa sebagai bangsa tolinting yang mempunyai cara hidup, kebudayaan, agama, politik, sosial, ekonomi dan pendekatan dikatakan segala-galanya sama. Pada masa itu, dikatakan sebagai masyarakat yang tertutup daripada segala unsur-unsur luar yang hanya dikatakan dipengaruhi oleh orang-orang Cina yang datang disitu akhirnya berpecah kepada beberapa suku yang telah membentuk identiti tersendiri diantara satu sama lain yang berdasarkan kepada perbezaan penerimaan terhadap alam semulajadi melalui pengalaman-pengalaman yang dilalui oleh setiap suku. Pengalaman-pengalaman tersebut telah membentuk sempadan antara suku-suku tersebut dari segi bahasa, dialek dan cara hidup. Akibat daripada pergolakan dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun, bukan sahaja membentuk suku-suku yang berbeza tetapi menghasilkan subsuku-subsuku yang lebih kecil yang mempunyai identiti tersendiri berbanding dengan suku yang lebih dominan. Semasa dalam proses perpecahan kepada suku-suku dan subsuku-subsuku segelintir daripada mereka telah terdedah kepada jiran-jiran mereka iaitu etnik Berunai, Murut, Bisaya dan lain-lain lagi di kawasan pantai barat dan pendalaman manakala di kawasan utara Sabah mereka terdedah kepada etnik Bajau dan Ilanun sementara di kawasan pantai timur mereka terdedah kepada etnik Bajau dan etnik-etnik yang berasal daripada Filipina atau Indonesia. Baki daripada suku-suku yang berpecah tersebut masih tinggal di Kawasan Ranau dimana kawasan Ranau dikatakan tidak mengalami

apa-apa pendedahan daripada jiran-jiran mereka kerana dipisahkan oleh bentuk muka bumi yang bergunung-ganang dan berhutan tebal.

Pada awal kehidupan suku-suku Kadazan/Dusun Ranau, pengaruh yang terawal sampai ke kawasan Ranau dikatakan datang daripada negeri China dimana boleh didapati dalam legenda-legenda tentang Gunung Kinabalu yang dimiliki oleh suku-suku Kadazan/Dusun yang mendiami kawasan kaki Gunung Kinabalu. Ciri-ciri pengaruh daripada negeri China dikatakan masih terdapat dalam masyarakat ini dimana dalam adat tradisional mereka menganggap tempayan atau tajau yang mempunyai berbagai nama bergantung kepada saiz dan bentuknya. Selain daripada itu terdapat berbagai jenis gong yang diperbuat daripada logam, tembaga atau lain-lain yang dianggap sebagai barang mewah semasa dahulu. Selepas itu dikatakan sehingga akhir abad ke 19 tidak terdapat pengaruh luar yang membuat hubungan dengan kawasan ini. Selepas akhir abad ke 19 berlaku hubungan perdagangan antara penduduk kawasan Ulu Ranau dengan etnik Bajau yang mendiami kawasan pantai di kawasan pantai barat. Namun hubungan perdagangan tersebut berlaku dalam satu hala sahaja iaitu status kawasan Ranau sebagai kawasan yang tertutup masih kekal pada tahap ini.

Keadaan telah berubah setelah kedatangan orang Eropah ke kawasan Ranau. Namun dikatakan sebelum kedatangan orang Eropah terdapat seseorang yang lebih dikenali sebagai Mat Salleh datang ke kawasan ini pada sekitar 1900 - 1905.

Beliau dikatakan telah membuat hubungan baik dengan penduduk Ranau dan membuat satu perkampungan dikawasan lembah Ranau. Akibat daripada kedatangan Mat Salleh ke Ranau, pada sekitar tahun 1920an orang-orang Eropah telah membina pejabat pentadbiran di kawasan Lembah Ranau. Kedatangan Mat Salleh telah mengubah masyarakat di Ranau yang bersuku-suku kepada masyarakat yang lebih bersatu padu dan pembukaan lembah Ranau membolehkan penduduknya lebih terdedah kepada kepentingan ekonomi. Perkembangan daerah Ranau semakin ketara apabila beberapa orang Cina membuka perniagaan mereka di situ.

Akibat daripada perkembangan-perkembangan tersebut suku-suku yang mendiami kawasan Ranau semakin terdedah kepada budaya luar. Pada masa tersebut juga masyarakat Kadazan/Dusun mula membuka mata mereka dengan menjelajah ke kawasan lain. Oleh itu kumpulan Kadazan/Dusun Ranau bukan sahaja didedah dengan kedatangan orang asing ke kawasan mereka tetapi juga budaya luar yang dibawa oleh orang Ranau daripada lain tempat. Pada masa ini sifat kesukuan semakin kurang dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun dan pada masa tersebut juga masyarakat Ranau mengenali diri mereka sendiri sebagai orang Dusun. Identiti kesukuan antara suku-suku semakin dilupakan. Hubungan bersemuka antara suku-suku semakin kerap dan interaksi antara mereka semakin kerap akibat daripada pembukaan kawasan Ranau. Pada masa tersebut perasaan kekitaan antara suku-suku sebagai masyarakat Ranau telah wujud.

Secara keseluruhannya dinamik dalam kumpulan Kadazan/Dusun dipengaruhi oleh pengaruh-pengaruh luar sehingga membentuk satu identiti dalam setiap suku yang terdapat di daerah Ranau. Pengaruh-pengaruh luar tersebut seperti peradapan yang lebih maju masuk ke kawasan ini telah membentuk masyarakat yang lebih stabil. Peradapan yang lebih moden misalnya peradapan baru yang dibawa oleh orang Eropah dan orang Cina membolehkan masyarakat Ranau mencontohi mereka untuk mencapai taraf kehidupan yang lebih moden, dimana masyarakat Ranau yang terdedah dengan peradapan tersebut dapat membandingkan dengan budaya mereka sendiri. Oleh itu masyarakat Ranau semakin mementingkan soal-soal ekonomi akibat daripada pendedahan dengan kegiatan perdagangan yang dijalankan oleh orang Cina. Institusi seperti tamu semakin berkembang pesat dan sehingga kini masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau terkenal bukan sahaja sebagai petani tetapi pedagang secara kecil-kecilan. Ini dapat dilihat di kawasan pekan Kundasang pada hari ini di mana setiap bangunan kedai diusahakan dan dimiliki oleh penduduk tempatan, walaupun terdapat 1 atau 2 buah kedai diusahakan oleh bukan tempatan. Fenomena ini dipersetujui oleh Robert Harrison (1971) dimana beliau menganggap bukan sahaja faktor mukabumi yang mengubah masyarakat tetapi juga oleh kewujudan sektor-sektor ekonomi.

Hasil daripada perubahan tersebut masyarakat Ranau semakin maju ke hadapan. Perubahan dari segi ekonomi dan sosial telah merangsangkan perubahan dalam aspek kehidupan

yang lain seperti politik, kebudayaan dan lain-lain lagi. Kedatangan agama besar seperti agama Islam, agama Kristian dan lain-lain kepercayaan telah menghasilkan variasi dalam masyarakat. Pada masa tersebut penduduk Ranau bukan sahaja terdedah kepada agama-agama besar tersebut tetapi juga budaya-budaya sekular yang sangat bertentangan dengan budaya tradisional. Akibatnya penduduk Ranau semakin kurang mengamalkan budaya tradisional yang tidak relevan pada pendapat mereka. Oleh itu sehingga sekarang upacara-upacara tradisional yang kerap mereka amalkan dahulu semakin berkurangan dan hanya dilakukan pada masa-masa tertentu sahaja, tambahan pula generasi pada hari ini hampir semuanya tidak lagi mengetahui upacara-upacara tersebut apalagi untuk mengendalikannya.

Kedatangan dan penerimaan agama baru semakin mengancam budaya tempatan sehingga masyarakat Ranau pada satu ketika wujud dalam satu budaya yang sama ke dalam masyarakat yang berbagai budaya hidup. Pada masa penerimaan agama-agama baru tersebut masyarakat Ranau semakin maju ke hadapan. Pendidikan moden dan cara hidup moden telah membentuk masyarakat Ranau yang bersatu padu walaupun terdapat berbagai variasi dalam masyarakatnya.

Namun begitu selepas kemerdekaan hingga sekarang penglibatan dan penyertaan politik semakin berkembang dikalangan penduduk Ranau. Penglibatan politik dalam masyarakat Ranau nampaknya semakin mempengaruhi corak kehidupan mereka. Bermula daripada kerajaan USNO, titik awal

pembentukan sikap untuk membezakan antara satu sama lain muncul dalam keadaan yang tidak meluas. Kemunculan kerajaan BERJAYA telah menghasilkan beberapa kelompok dalam masyarakat Ranau iaitu penyokong USNO dan penyokong BERJAYA sehingga terdapat beberapa kelompok yang merasa tertindas akibat daripada perbezaan parti politik. Keadaan semakin teruk selepas kerajaan PBS menggantikan kerajaan BERJAYA. Kelompok-kelompok yang berbeza dalam masyarakat Ranau semakin bertambah apabila parti AKAR dan UMNO diperkenalkan dalam masyarakat ini. Hasil daripada pengalaman politik dalam masyarakat Ranau, terbentuk satu era baru yang berbeza dengan semangat kesukuan pada masa dahulu tetapi era baru tersebut adalah lebih bersifat semangat kepolitikan yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan semangat kesukuan. Namun begitu semangat kepolitikan tersebut tidak berlaku setiap masa dan hanya ketara semasa kempen pilihanraya yang diadakan setiap empat tahun sekali, selepas kempen pilihanraya secara perlahan-lahan semangat kepolitikan dalam masyarakat Ranau akan reda atau lenyap sama sekali.

Namun begitu sejak akhir-akhir ini, isu-isu politik yang digunakan oleh parti-parti politik semakin sukar dilupakan oleh setiap masyarakat di daerah Ranau. Isu-isu seperti isu bangsa, agama, kenegerian, kedaerahan yang banyak menyentuh tentang peribadi atau identiti masyarakat semakin meresap ke dalam setiap masyarakat yang mengikuti perkembangan tersebut. Nampaknya isu-isu yang berkaitan

dengan peribadi dan identiti masyarakat semakin mengancam perpaduan dalam masyarakat Ranau dan Sabah amnya. Walaupun isu bangsa pada kenyataannya tidak mempengaruhi masyarakat Ranau untuk memilih parti politik tetapi isu bangsa tersebut telah memberi kesedaran kepada penduduk Ranau bahawa selama ini mereka terlena dalam tidur dan perlu dibangunkan untuk memperjuangkan hak mereka yang selama ini hampir luput dalam ingatan mereka. Pada peringkat negeri isu tersebut telah memberi kesan kepada hubungan sekurang-kurangnya antara pemimpin parti politik. Namun begitu apa yang jelas sehingga sekarang walaupun demam pilihanraya telah lama berlalu hubungan antara masyarakat Kadazan/Dusun dengan masyarakat Melayu terutamanya daripada Semenanjung Malaysia dalam sektor kerajaan semakin renggang. Oleh itu pada peringkat kebangsaan isu yang berbau perkauman atau bangsa telah menimbulkan kesan negatif dalam hubungan antara individu yang terlibat.

Keadaan yang sama berlaku dalam isu-isu yang berkaitan dengan agama. Penganut-penganut agama yang berbeza semakin sedar tentang perbezaan antara mereka. Mereka semakin menyedari bahawa musuh utama mereka ialah yang berbeza agama dengan mereka. Kesedaran bahawa penganut agama lain akan atau mungkin menindas agama yang berbeza menghasilkan kelompok-kelompok yang saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Daripada perasaan yang tidak mempercayai antara satu sama lain mungkin akan menimbulkan konflik yang lebih hebat.



Dalam konteks Daerah Ranau isu agama merupakan faktor yang paling mudah untuk memecahkan perpaduan diantara masyarakatnya. Ini adalah kerana agama adalah satu-satunya faktor perbezaan yang paling jelas dalam masyarakat Ranau. Perbezaan melalui suku-suku yang berbagai tidak lagi mengancam perpaduan masyarakat kerna identiti kesukuan tersebut telah lenyap atau kabur dalam kehidupan mereka. Perbezaan taraf hidup tidak menimbulkan kebimbangan kerana masih terdapat kebebasan untuk meningkatkan taraf hidup. Pendek kata masyarakat Ranau berkongsi dalam setiap aktiviti harian mereka dengan penganut agama lain. Namun dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama masyarakat Ranau tidak dapat berkongsi antara satu sama lain, oleh itu perpaduan dalam masyarakat Ranau hanya dapat diruntuhkan dengan menggunakan isu agama dan akhirnya perkongsian yang selama ini terbentuk dengan sendirinya akan runtuh.

Daripada teori di atas, melalui penggunaan isu agama yang tidak dikawal boleh melahirkan kelompok-kelompok dalam masyarakat Ranau. Kelompok-kelompok tersebut akan menjadi lebih individualistik atau mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan orang lain dan akhirnya melahirkan polarisasi agama dalam masyarakat kumpulan Kadazan/Dusun Ranau. Polisasi agama yang terhasil tidak mungkin dapat mengujudkan atau mengembalikan perpaduan dalam masyarakat. Namun pada realitinya andaian-andaian tersebut tidak akan menjadi kenyataan kerana terdapat banyak persamaan yang dikongsi bersama antara penganut yang berbeza dan hanya mungkin akan

berlaku jika terdapat pihak yang lebih dominan berbanding dengan pihak yang lain. Selagi identiti masyarakat etnik Kadazan/Dusun dapat bertahan untuk jangka masa yang lama selagi itulah perpaduan diantara masyarakat Ranau dapat dikekalkan.

Secara keseluruhannya, asal-usul dan budaya tradisional yang dimiliki bersama antara penganut agama yang berbeza menjadi pengerat perpaduan diantara masyarakat Ranau seperti hubungan darah, persemendaan atau perkahwinan dan institusi-institusi ~~lamu~~, ~~mitatabang~~ dan lain-lain lagi. Kemusnahan hubungan-hubungan dan institusi tersebut boleh memecahkan perpaduan dalam masyarakat, selain daripada itu perasaan saling memahami dan bertolak ansur antara satu sama lain merupakan perkara yang sangat penting untuk memelihara perpaduan dalam hidup bermasyarakat.

Apabila dibandingkan dengan tempat lain pada peringkat negeri atau kebangsaan isu agama telah menjadi faktor perpaduan bagi sebilangan masyarakat tetapi bagi masyarakat Ranau isu agama menjadi faktor pemusnah kepada perpaduan dalam masyarakat. Bagi masyarakat Melayu yang terdapat di Semenanjung Malaysia mereka menggunakan isu agama dan bangsa bagi mengujudkan perpaduan untuk menghadapi lawannya supaya mencapai cita-cita dan kemahuan mereka. Mereka menggunakan isu perkauman dan keagamaan kerana masyarakat Melayu lebih dominan di Semenanjung Malaysia iaitu perpaduan dikalangan Melayu lebih penting dan perpaduan dengan kaum lain adalah perkara kedua. Pada peringkat negeri Sabah isu perkauman dan

keagamaan boleh menimbulkan perpaduan yang kadangkala secara melulu dikalangan masyarakat Melayu di Sabah tetapi hanya mungkin berkesan di kawasan tertentu sahaja misalnya kawasan pantai timur Sabah di mana masyarakat Melayu lebih dominan daripada masyarakat lain. Namun begitu apabila isu agama digunakan untuk menyatu padukan masyarakat Islam di Ranau kemungkinan isu tersebut akan berjaya tetapi perpaduan dalam kumpulan Kadazan/Dusun Ranau yang berbilang agama akan hancur kerana tidak terdapat masyarakat samaada masyarakat Islam atau Kristian yang lebih dominan iaitu lebih kurang seimbang antara satu sama lain. Oleh itu masyarakat Islam terpaksa bergantung kepada etnik lain untuk mengatasi masyarakat lain dimana sifat pergantungan dengan etnik lain mungkin menimbulkan masalah eksploitasi, penindasan diskriminasi dan lain-lain lagi yang mungkin timbul akibat daripada perbezaan etnik.

Fenomena tersebut boleh berlaku juga jika masyarakat Kristian menerima isu agama sebagai satu cara untuk membentuk perpaduan dikalangan mereka. Misalnya masyarakat etnik Kadazan/Dusun yang terdapat di daerah lain mempunyai penganut Kristian yang lebih dominan berbanding dengan penganut lain, oleh itu jika mereka menerima isu agama sebagai satu cara perpaduan maka mereka terpaksa mengenyahkan penganut agama lain yang sekumpulan atau seetnik dengan mereka. Oleh itu kumpulan Kadazan/Dusun akan berpecah kepada beberapa kumpulan yang saling tidak bersefahaman antara satu sama lain. Fenomena seumpama ini

telah berlaku kepada masyarakat Melayu dimana wujud dua golongan dalam masyarakat Melayu walaupun mempunyai agama yang sama tetapi mempunyai perbezaan dalam fahaman politik. Keadaan tersebut lebih mudah berlaku dalam kumpulan Kadazan/Dusun kerana sejak daripada dahulu lagi sudah terdapat perbezaan dalam kumpulan tersebut tambahan lagi perpecahan boleh berlaku dalam agama yang sama apalagi dalam agama yang sama sekali berbeza dan bertentangan sejak daripada kewujudan agama tersebut.

Pada peringkat kebangsaan, isu agama lebih banyak membawa kesan negatif terhadap perpaduan antara kaum walaupun pada peringkat kaum itu sendiri membawa perpaduan pada darjah yang paling tinggi. Oleh itu pada peringkat kebangsaan isu agama melahirkan polarisasi kaum dan agama. Pada peringkat negeri Sabah isu agama sangat tidak bersesuaian dalam masyarakatnya. Perbandingan antara Semenanjung Malaysia dengan Negeri Sabah dari segi komposisi agama dan etnik sangat berbeza disamping budaya hidup terutamanya berkenaan dengan interaksi dan hubungan antara kaum dan penganut agama sangat berbeza dimana interaksi dan hubungan antara kaum dan agama lebih erat. Oleh itu penyerapan atau difusi budaya yang terdapat di Semenanjung Malaysia ke negeri Sabah adalah membawa kesan negatif yang sukar untuk dipulihkan tetapi budaya yang terdapat di Sabah jika diserapkan kedalam budaya yang terdapat di Semenanjung Malaysia perpaduan pada peringkat kebangsaan lebih mudah dilaksanakan.

Kesimpulannya, isu perkauman dan keagamaan membawa kesan negatif kepada perpaduan masyarakat Ranau, Sabah dan Malaysia. Isu perkauman dan keagamaan akan membentuk masyarakat yang bertingkat-tingkat dan berbeza antara satu sama lain atau stratifikasi sosial berdasarkan kaum dan agama akan terbentuk. Pada masa jangka panjang perpaduan sukar dibentuk kecuali terdapat saling memahami dan tolak ansur antara golongan majoriti dengan minoriti.

